

05/02/2001

Setiausaha Umno, Pas bertemu minggu ini

KUANTAN, Ahad - Pertemuan antara Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan rakan sejawatnya dari Pas, Nasharudin Mat Isa, bagi menentukan agenda perbincangan perpaduan Melayu, akan diadakan minggu ini.

Kedua-dua pihak sudah menyatakan kesediaan untuk mengadakan perjumpaan pada peringkat jawatankuasa teknikal itu, sebelum pertemuan membabitkan pemimpin tertinggi kedua-dua parti diadakan.

"Insya-Allah ... saya berharap ia akan berlaku dan sekurang-kurangnya membabitkan peringkat teknikal terlebih dahulu, sebelum pertemuan kedua-dua pemimpin tertinggi parti," kata selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina anjuran Jawatankuasa Perundingan Kaum Cina Kuantan, di sini hari ini.

"Saya amat mengalu-alukan kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor bahawa parti itu belum berganjak dengan keputusannya, malah akan memberi komitmen positif untuk menerima pelawaan Umno mengadakan muzakarah mengenai penyatuan dan perpaduan Melayu.

"Beliau (Fadzil) sudah menjawab banyak pertanyaan orang ramai yang mahu mengetahui sama ada Pas ingin bertemu dengan Umno atau tidak kerana ia mengambil masa lama untuk berbuat demikian," katanya.

Mengenai kelewatan itu, Khalil berkata, sebenarnya pemimpin kedua-dua parti mempunyai banyak urusan, termasuk Nasharuddin dan Fadzil yang kadangkala terpaksa ke luar negara bagi urusan tertentu.

"Saya difahamkan pihak Nasharudin sedang meneliti pendapat Umno dari segi format dan sebagainya yang dijelaskan secara terperinci dalam satu surat yang saya sampaikan kepada Setiausaha Agung Pas itu," katanya.

Khalil berkata, pada peringkat teknikal, beliau dan Nasaruddin tidak akan membuat banyak tuntutan kerana perlu melapor kepada pucuk pimpinan masing-masing mengenai hasil pertemuan itu.

Sementara itu, Nasharudin ketika dihubungi hari ini berkata, Pas akan mencadangkan supaya pertemuan mengenai perpaduan Melayu disertai oleh maksimum lima wakil daripada kedua-dua parti.

Beliau berkata, perkara itu adalah antara cadangan yang akan dikemukakan pada pertemuan peringkat jawatankuasa teknikal antaranya dengan Khalil.

"Cadangan supaya pertemuan itu membabitkan delegasi parti dibuat supaya perbincangan lebih telus dan diadakan pada peringkat tertinggi. Ini kerana perwakilan lima orang itu akan mewakili pucuk pimpinan tertinggi parti.

"Pada kami pertemuan empat mata antara Presiden Umno (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Presiden Pas (Fadzil) seperti disyorkan sebelum ini, tidak memadai," katanya.

(END)